

PEMIKIRAN *WASATIY* ALMARHUM USTAZ AHMAD SONHADJI DALAM MEMBENTUK IDENTITI MASYARAKAT ISLAM SINGAPURA

Mustazah Bahari

Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam,
RSIS, Nanyang Technological University, Singapore
ismustazah@ntu.edu.sg

Muhammad Haniff Hassan

Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam,
RSIS, Nanyang Technological University, Singapore

ABSTRAK

Sejak beberapa dekad yang lalu terdapat usaha yang aktif untuk mengkontekstualisasikan fahaman dan amalan agama dengan realiti setempat. Singapura juga tidak ketinggalan di dalam usaha sedemikian, sebagaimana yang dapat dilihat dari usaha-usaha yang dilakukan oleh Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) dan Persatuan Ulama & Guru-Guru Agama Singapura (PERGAS) sehingga menghasilkan beberapa buku dan manual seperti buku Kesederhanaan Dalam Islam Dalam Konteks Masyarakat Muslim Singapura, terbitan Pergas, dan Risalah Membangun Masyarakat Islam Cemerlang Singapura¹ bersama dengan projek pembangunan Identiti Muslim Singapura oleh Muis. Bagi memastikan usaha kontekstualisasi ini berjaya, masyarakat perlu didedahkan kepada tokoh-tokoh tempatan dan idea-idea serta warisan ilmu mereka supaya masyarakat dapat menjalin hubungan emosi dan intelektual hingga dengan itu kebergantungan kepada tokoh dan idea-idea dari luar negara menjadi kurang. Oleh itu, kajian mengenai tokoh-tokoh tempatan sepanjang sejarah seperti ustaz Ahmad Sonhadji harus dikembangkan dan pemikiran-pemikiran mereka harus disebar. Selain kitab tafsir beliau yang menjadi bahan bacaan dan rujukan dalam sesi pengajian agama, terdapat juga koleksi khutbah-khutbah beliau yang tidak kurang pentingnya dalam mencorak pemahaman agama bagi masyarakat Islam Singapura. Kertas kerja ini bertujuan untuk menonjolkan nilai-nilai wasatiyah yang disampaikan oleh Almarhum menerusi khutbah-khutbahnya, bersesuaian dengan konteks kehidupan majmuk di Singapura.

Pendahuluan

Umat Muhammad s.a.w merupakan umat yang *wasat* seperti yang disebutkan di dalam al-Quran.² Ciri-ciri *wasat* ini mempunyai pelbagai dimensi yang membawa umat manusia kepada arah kejayaan dan kebaikan. Antara ciri yang dikaitkan dengan wasat atau lebih dikenali sebagai wasatiyyah adalah; adil, berimbang, melakukan yang terbaik dan bersesuaian dengan keperluan semasa dan setempat.

Para ulama dari dahulu lagi telah berusaha menghidupkan nilai-nilai wasatiyyah ini di dalam penulisan mereka. Apa sahaja isu berkaitan hukum agama yang dibahas, pasti sudut

¹Lihat Muis (2006), *Risalah Membangun Masyarakat Islam Cemerlang Singapura*, Singapura: Muis, di <https://www.muis.gov.sg/-/media/Files/OOM/Resources/Risalah-Book.pdf>

² Surah al-Baqarah ayat 143.

wasatiyyah itu diraikan sewajarnya. Dasar-dasar atau *usul* setiap mazhab fiqh Islami misalnya, dilihat berbeza-beza antara satu dengan yang lain. Ia menunjukkan bahawa perbezaan pada huraian hukum-hukum syarak itu bertujuan untuk menghasilkan hukum yang menepati kehendak syarak dan juga meraikan perbezaan adat budaya sesebuah tempat. Kaedah-kaedah *usul* seperti *istihsan*, *masalih mursalah*, *'amal Ahli Madinah* dicipta oleh para ulama fiqh untuk meraikan maqasid syariah yang ingin dicapai.

Usaha-usaha itu seterusnya dilakukan oleh para ulama hari ini. Setiap urusan umat Islam perlu diuruskan dengan nilai-nilai wasatiy agar agama Islam itu diberi haknya yang sebenar dari disalah tafsir. Pendekatan wasatiy penting di dalam mengimbangi keperluan hidup yang pastinya berbeza di antara satu tempat dengan tempat yang lain. Islam tidak dibawakan dengan tujuan mengumpulkan semua perkara menjadi satu. Hukum syariat disatukan untuk semua umat yang hidup mana sahaja tanpa diberi ruang untuk meraikan kepelbagaian hukum menurut gaya hidup manusia yang berbeza di sesuatu tempat.

Ustaz Ahmad Sonhadji juga tidak terlepas dari pegangan dan prinsip ini. Menerusi usaha dakwah beliau dari sudut penulisan, penyampaian, pentadbiran, perkongsian idea mengenai kebaikan umat Islam dan Negara, jelas menunjukkan beliau kuat mendukung prinsip wasatiyyah ini. Melalui khutbah-khutbah yang ditulis sendiri dan disampaikan di atas mimbar pada hari jumaat, jelas kelihatan bahawa al-Marhum Ustaz Sonhadji memberi penekanan kepada isu-isu yang berkait rapat dengan umat Islam yang hidup dengan masyarakat majmuk yang berbeza latar belakang agama dan bangsa di Singapura yang ditadbir secara sekular.

Walaupun Singapura ditadbir dengan sekularisme, ia tidak menghalang umat Islam dari menghayati dan mengamalkan Islam, seperti umat Islam di negara-negara Islam yang lain. Tajuk-tajuk khutbah yang disampaikan oleh al-Marhum meliputi perkara-perkara asas dan mendasar seperti akidah, adab sesama manusia, tanggungjawab terhadap alam sekitar, menghormati undang-undang negara, berlaku adil dan ihsan terhadap keluarga dan lain-lain. Penyampaian khutbah al-Marhum jelas menunjukkan keinginan beliau selaku pemimpin agama di Singapura untuk membentuk pemikiran yang wasatiy dalam diri umat Islam di Singapura.

Naskhah-naskhah khutbah yang dijadikan sampel bagi kertas kerja ini, wujud dalam manuskrip bertulisan tangan dalam tulisan Jawi yang diperolehi dari Perpustakaan Negara Singapura (NLB) dari waris al-Marhum setelah pemergiannya pada tahun 2010 bagi tujuan arkib kerana potensi nilai sejarahnya di masa akan datang.³

Mengenal Ustaz Ahmad Sonhadji⁴

Ustaz Ahmad Sonhadji Mohamad Milatu dilahirkan pada 18 Ogos 1922 di Desa Pingging, Surakarta (Solo), Jawa Tengah, Indonesia. Beliau merupakan seorang tokoh ilmunan yang disegani di Singapura. Sebagai seorang ilmunan, beliau juga memainkan peranan penting di dalam membangunkan pendidikan Islam dan memupuk pembangunan para ulama di Singapura dan Nusantara. Ustaz Sonhadji adalah salah seorang pengasas pertama bagi pembentukan Persatuan Ulama dan Guru-guru Agama Islam (Singapura) (PERGAS) pada tahun 1957. Beliau juga memegang beberapa jawatan penting di dalam Majlis Ulama Islam Singapura (MUIS) dan merupakan seorang penasihat agama yang sangat dihormati.

³ Lihat National Library Board, *Donors Showcase: Ustaz Ahmad Sonhadji Mohamad Milatu*, di <http://www.nlb.gov.sg/donors/ustaz-ahmad-sonhadji-mohamad/>

⁴ Nurhaizatul Jamila Jamil, "Ustaz Ahmad Sonhadji Mohamad Milatu", *SingaporeInfopedia*, di http://eresources.nlb.gov.sg/infopedia/articles/SIP_1468_2010-08-13.html

a) Peringkat awal kehidupannya

Dilahirkan dalam keluarga agamawan. Ayahnya Mohamad Milatu bin Hj Haromain dan ibunya Raden Umami Salamah Binti Haji Anwar. Selain dari ibu dan ayahnya, beberapa ahli keluarga lain juga mahir di dalam pengajian al-Quran dan pernah menjadi guru kepada Sultan Surakarta yang keempat.

Pada tahun 1927, ayahnya membawanya ke Singapura, dan menetap di Pasir Gembur, berdekatan dengan Jalan Sultan. Kemudian keluarganya berpindah pula ke Riau, Indonesia, di mana beliau mendapat ilmu agama ketika ayahnya bertugas sebagai guru agama di sana. Pada usia 14 tahun, Ustaz Sonhadji pulang ke Singapura dan mendaftar sebagai pelajar di Madrasah Aljunied. Ketika Jepun menyerang Singapura pada tahun 1942–45, pengajiannya terganggu lalu beliau berangkat pulang ke Rengat, di Riau, pada tahun 1941. Ketika di Rengat, beliau membangunkan sebuah madrasah sebagai pengasas bersama, yang bernama Perguruan Agama Islam Rengat. Sekembalinya beliau ke Singapura, Ustaz Sonhadji sambung pengajiannya di Madrasah Aljunied sehingga tamat pengajiannya pada tahun 1944.

b) Bertugas sebagai tenaga pengajar

Selesai dari pengajiannya di Madrasah Al-Junied, Ustaz Sonhadji diberi tugas sebagai guru pelatih sebelum menjadi guru sepenuh masa di Madrasah Aljunied. Ketika menjadi tenaga pengajar di sana, Ustaz Sonhadji membentuk satu kumpulan nasyid. Beliau juga mengajar para pelajar bernyanyi dengan menggunakan nota-nota musik.

Pada tahun 1945, beliau mengasaskan sebuah madrasah bernama Madrasah Bustanol Arifin, di Coronation Road. Beliau mengajar di sana sementara kemudian meninggalkannya untuk membangunkan sebuah madrasah lagi iaitu Madrasah ad-Dinniah, di mana kelas-kelas agama diadakan di rumahnya di Coronation Road. Madrasah itu bertahan selama tujuh tahun.

Seterusnya, Ustaz Sonhadji bertugas di Majlis Pengajian Islam, di bawah naungan Kementerian Pendidikan, pada tahun 1958 hingga 1960. Beliau ditugaskan untuk melancarkan rancangan kurikulum bagi pembelajaran agama di Singapura. Beliau juga banyak menulis dalam subjek agama dan digunakan sebagai buku teks di madrasah-madrasah setempat.

Pada tahun 1966, Ustaz Sonhadji berpindah ke Brunei apabila dilantik menjadi Guru Besar di Sekolah Menengah Arab Hassanul Bolkihah hingga tahun 1970. Sebuah lagu yang dicipta oleh beliau ketika di sana masih lagi dinyanyikan di beberapa sekolah di sana sebagai lagu rasmi mereka. Hari ini, ada di antara anak-anak murid beliau memegang jawatan tinggi dan menjadi tokoh yang dihormati di Brunei.

Ustaz Sonhadji kemudian pulang ke Singapura dan memegang beberapa jawatan penting. Dia kembali mengajar di Madrasah Aljunied pada tahun 1971, dan kemudian dilantik menjadi pengetua Madrasah dua tahun berikutnya. Beliau terus bertugas di Madrasah Aljunied sehingga tahun 1980.

Pada tahun 1980 juga, Ustaz Sonhadji dilantik menjadi imam di Masjid Muhajirin. Dari situlah beliau terus mengajar di Masjid Muhajirin sehingga tamat perkhidmatan pada tahun 2002. Ketika bertugas di Masjid Muhajirin, beliau dilantik sebagai Pengerusi Madrasah Al-Irsyad.

c) Ustaz Sonhadji sebagai Penasihat Agama

Sebagai seorang ilmuan yang progresif, Ustaz Sonhadji dilantik menjadi anggota Jawatankuasa Fatwa MUIS pada thun 1975, dan terus berkhidmat dalam jawatankuasa itu selama lebih dari 30 tahun. Dalam menjalankan tugasnya sebagai ahli, pemikiran beliau yang progresif itu mengajak sekalian ahli yang lain untuk mengeluarkan fatwa-fatwa yang unik seperti pendermaan organ, pengurusan wakaf dan kesucian air NEWater.

Beliau juga merupakan seorang penasihat utama kepada Religious Rehabilitation Group (RRG), sebuah kumpulan dari kalangan asatizah yang tampil membantu memberi kaunseling agama bagi ahli kumpulan teroris yang ditahan. Beliau yang merangka sebuah manual untuk mengendalikan cara terbaik bagi menolak tafsiran yang salah yang difahami oleh ahli-ahli kumpulan tersebut seperti konsep jihad.⁵

d) Karya-karyanya

Karya terbesar beliau adalah buku tafsir yang dinamakan *`Abr Al-Athir* yang bermaksud menerusi udara. Kitab tafsir tersebut merupakan kitab tafsir penuh 30 juzuk yang selesai disiapkan dalam jangka masa 25 tahun.

Nama kitab tafsir itu terkait dengan usaha beliau menyampaikan terjemahan al-Quran untuk suatu program di Radio Singapura pada tahun 1959. Program itu berjalan terus sehingga tahun 1984. Catitan-catitan beliau untuk program itu lantas dikembangkan menjadi tafsir dan selesai usaha penafsiran dan dicetak pada tahun 1993. Kitab *`Abr Al-Athir* dianggap sebagai antara kitab tafsir yang terbaik dan telah banyak diulang cetak dalam berbagai bahasa.

Ustaz Sonhadji juga menulis buku asas mendirikan solat. Buku itu juga telah banyak kali diulang cetak dalam berbagai bahasa seperti bahasa Korea dan Sinhale.

Pada tahun 2008, Ustaz Sonhadji menandatangani memorandum persefahaman dengan National Library Board (NLB) Singapura untuk mendermakan bahan-bahan penulisannya kepada arkib NLB untuk dimanfaatkan oleh semua. Koleksi penulisan Ustaz Ahmad Sonhadji Mohamad menjangkau lebih dari 1,000 cetakan tentang Islam dan pembangunannya di Singapura dan Nusantara. Selanjutnya, lebih dari 500 manuskrip termasuk khutbah-khutbahnya dan tafsir al-Quran.

e) Anugerah yang diterima

1961: Dilantik oleh Yang Di-Pertuan Negara, Tuan Yusof bin Ishak sebagai ahli dalam Muslim Advisory Board Singapore.

1988: Pingat Bakti Masyarakat

1992: Anugerah Jasawan Cemerlang MUIS⁴³

1993: Gelar Ilmuawan – Ulama Contoh, Persatuan Pelajar-Pelajar Agama Dewasa Singapura

2010: Anugerah Pasukan Hari Kebangsaan, Kementerian Dalam Negeri

f) Pemergiannya

Ustaz Sonhadji meninggal dunia pada 12 haribulan Ogos tahun 2010 pada usia 88 tahun akibat penyakit *pneumonia*. Isterinya terlebih dahulu meninggal pada tahun 2001. Pasangan itu meninggalkan 10 anak, 32 cucu dan 28 cicit.

Semoga Allah merahmati ruh mereka berdua dan ditempatkan di maqam yang tertinggi di sisi-Nya.

⁵ The late Ustaz Ahmad Sonhadji Mohamad, Our People. Lihat: <https://www.rrg.sg/our-people/#lightbox/gallery-2/1>

Kenali Ustaz Ahmad Sonhadji dari khutbah-khutbahnya

Melalui khutbah-khutbah al-Marhum, terhasil beberapa rumusan mengenai beliau. Namun perlu diingatkan bahawa rumusan-rumusan ini bukanlah sesuatu yang absolut kerana hanya berdasarkan pada khutbah-khutbah tulisan beliau yang merupakan hanya segelintir dari ilmu dan karya beliau. Walau bagaimana pun, rumusan-rumusan ini tetap berguna bagi mengenali al-Marhum dan sebagai sandaran bagi sesiapa yang ingin mengkaji tentang beliau.

a) Seorang tradisionalis yang *wasatiy*

Dari kandungan khutbah-khutbah al-Marhum dapat dirumuskan bahawa beliau, pada dasar dan intipatinya, adalah seorang tradisionalis dalam fahaman dan amalan Islamnya. Yang dimaksudkan dengan tradisionalis di sini ialah fahaman dan amalan agama yang berdasarkan warisan umat Islam di rantau ini iaitu yang bermazhab Shafi'ii dalam fikah, Ash'ari dalam akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, disamping iltizamnya pada tradisi ilmu ulama silam dari aliran yang sama. Sebagai manusia, pastinya al-Marhum mempunyai warna-warna atau kecenderungan yang lain dalam diri. Namun sifat tradisionalis adalah sifat dominan bagi fahaman agama al-Marhum. Bagi menjelaskan perkara ini, dikatakan bahawa fahaman agama al-Marhum bukan dari aliran moden seperti yang dikenali pada gerakan Muhammadiyah dan pengasasnya Kyai Ahmad Dahlan dan tokohnya yang lain, Hamka. Beliau bukan dari kalangan haraki, iaitu mereka yang banyak dipegaruhi oleh idea-idea gerakan dakwah Ikhwan Muslimin yang diasaskan di Mesir. Beliau juga bukan dari aliran Salafi-Wahabi yang banyak dipengaruhi oleh pemikiran Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab dari Arab Saudi.

Hal ini dapat dilihat dari perkara-perkara berikut yang didapati dari khutbah-khutbah beliau;

- i) Dalam memaknakan takwa dengan erti takut kepada Allah taala dalam hampir semua teks khutbahnya – satu kefahaman yang berleluasa di kalangan agamawan di sini, walau pun secara bahasa takwa bukan bermaksud takut, tapi perlakuan melaksanakan perintah dan menjauhi larangan Allah taala.⁶ Beliau menyebutkan, *“Yakni jika kamu mengamalkan ibadat puasa itu kerana dapat mendidik jiwa menjadi baik dan menjadi seorang hamba yang takut (takwa) kepada Allah.”*
- ii) Dalam soal hukum puasa dan membayar fidyah.⁷ Beliau berkata, *“Mengikut Al-Imam Al-Syafi'ii, zakat fitrah itu wajib atas tiap-tiap orang Islam yang mempunyai kelebihan belanja makan minum untuk malam dan siangnya hari raya bagi dirinya dan orang tanggungannya.dalam soal hukum zakat.”*⁸
- iii) Dalam soal hukum mengharamkan perkahwinan lelaki bukan Muslim dengan perempuan Muslim.⁹ Al-Marhum berkata, *“Maka selagi perempuan-perempuan itu orang musyrik (menyekutukan Tuhan), samada Yahudi atau Nasrani atau Majusi. Mereka itu dikatakan musyrik mengikut pendapat setengah ulama. Berdasarkan dakwaan orang Yahudi yang mengatakan Uzair itu anak Allah dan orang Nasrani mendakwakan Isa anak Allah dan orang Majusia menyembah berhala atau api. Semuanya ini adalah syirik. Jelaslah sudah*

⁶ Khutbah bertajuk Perintah Mengerjakan Puasa.

⁷ Ibid.

⁸ Khutbah bertajuk Menunaikan Zakat Fitrah.

⁹ Khutbah bertajuk Larangan Berkahwin Dengan Orng-Orang Musyrik.

kekafiran mereka. Sekali-kali tak boleh mereka dikahwini dan dengan didasarkan pentakwilan inilah ayat menjadi muhkamah (tetap hukumnya). Setengah ulama yang lain anggap ini telah terbatal hukumnya (mansukhah) bila mana Allah telah memberi pengecualian dengan memberi kebenaran mengahwininya perempuan-perempuan golongan Ahli Kitab yang tersebut dalam ayat yang ertinya, “Dan diharamkan bagimu beristeri perempuan Ahli Kitab (Yahudi atau Nasrani) asal sahaja kamu bayar maskahwinnya dan kamu menjadi dua laki isteri bukan membuat jahat, bukan pula menjadi perempuan simpanan (tetapi di zaman ini hampir tiada lagi terdapat golongan yang benar-benar diakui orang sebagai Ahli Kitab).” (Al-Maidah: 5) Jadi kesimpulannya mengahwini perempuan kafir adalah dilarang kecuali ia sudah masuk Islam.

- iv) Dalam soal hukuman ke atas orang tidak berpuasa.¹⁰ Beliau menegaskan, *“Orang yang sengaja meninggalkan puasa dengan tiada uzur secara syarak hukumnya, pemerintah Islam hendaklah mengurungnya dan menahannya dari makan minum sepanjang hari itu supaya ia dapat mengikuti kuat kuasa syiar Islam yang dijalankan.”*
- v) Dalam soal keharusan hukum memukul isteri yang nusyuz.¹¹ Beliau berpendapat, *“Maka pada ketika itu syarak membolehkan suami memukul isterinya dengan syarat tidak membahayakan. Jangan sampai patah atau luka. Jangan berterusan yang bertalu-talu, jangan di suatu tempat badan sahaja, jangan di mukanya kerana muka itu tempat kecantikannya, dan jangan pula menggunakan cabuk, pahat atau cemeti.”*
- vi) Dalam soal keharusan menyambut dan memperingati Maulid Nabi s.a.w.¹² Beliau menegaskan, *“Maka jika kita peringati bulan maulidnya ini atau di hari ulang tahun kelahirannya, hendaklah kita peringati dalam kita rayakan dengan peringatan yang mengandungi erti untuk menghidupkan Sunnah, petunjuk dan pengajarannya. Kita hidupkan budi pekertinya yang mulia. Kita hidupkan perjuangannya dalam membela hak dan kebenaran. Kita hidupkan amal usahanya dalam membimbing umat manusia agar hidup dalam bahagia dan sentosa.”*
- vii) Dalam soal keharusan menyambut tahun hijrah.¹³ Beliau menyatakan, *“Bersempena dengan kedatangan bulan Muharram, ini mengingatkan kita kepada suatu peristiwa yang tak dapat dilupakan sejarah iaitu peristiwa berhijrahnya atau berpindahannya junjungan kita Nabi s.a.w dari kota Mekah ke kota Madinah, 14 abad yang lampau setelah diperintahkan oleh Allah s.w.t. Semenjak itulah dilakukan tarikh Islam yang dinamakan tahun Hijrah.”*
- viii) Dalam soal hukuman potong tangan ke atas pencuri – menolak pandangan yang mengatakan ia adalah kolot.¹⁴ Beliau dengan tegas berkata, *“Orang yang mengatakan hukuman potong tangan itu kejam kuno, tak sesuai dengan aliran zaman terutamanya dalam abad ke-20 ini, menunjukkan pandangannya terlalu singkat. Ia berfikir lebih baik*

¹⁰ Khutbah bertajuk Puasa Menghilangkan Bencana Syahwat Perut.

¹¹ Khutbah bertajuk Pengajaran Bagi Suami Terhadap Isteri Yang Nusyuz.

¹² Khutbah bertajuk Pakaian Takwa Itulah Yang Lebih Baik.

¹³ Khutbah bertajuk Menyambut Tahun Baru Hijrah dan Masihi.

¹⁴ Khutbah bertajuk Hukum Pencuri Dengan Kerat Tangan.

mengorbankan masalah ramai untuk kepentingan sepotong tangan yang berkhianat dan berdosa tetapi akibatnya bukannya harta benda orang ramai yang menjadi sasaran tangan yang merosak?”

- ix) Dalam soal hukuman ke atas jenayah hirabah.¹⁵ Katanya dengan tegas, *“Demikianlah ketetapan Allah untuk memberikan hukuman kepada orang-orang yang melakukan jenayah kerana mengadakan pemberontakan derhaka atau melawan perintah Allah dan RasulNya dan memerangi orang-orang Islam. Maka Allah menyuruh RasulNya supaya memilih kalau suka boleh menjatuhkan hukuman bunuh, atau salib, atau kerat tangan dan kaki mereka dengan berselang keatas orang-orang tersebut. Gunaan semuanya ini untuk menjadi pengajaran kepada yang lain.”*

- x) Dalam komentarnya mengenai Good Friday,¹⁶ Jelas beliau, *“Orang-orang Kristian menyambut perayaan ini di gereja pada hari ini selepas tengah hari hingga ke pukul 3 petang sebagai memperingati kematian Nabi Isa yang di salib selama 3 jam. Bagi kita umat Islam, Nabi Isa a.s salah seorang Rasul dan Nabi yang wajib kita imani di samping rasul-rasul yang lain. Kepercayaan kita orang-orang Islam berpandukan Al-Quran tidak dapat menerima bahawa Nabi Isa itu telah mati dan disalibkan ke kayu palang kerana Al-Quran menyebutkan..”*

- xi) Akidah trinita agama Kristian dan sambutan Hari Krismas.¹⁷ Dengan tegas beliau berkata, *“Mereka mendakwakan bahwa Bapa adalah Tuhan, Anak pun juga Tuhan, begitu pula Ruh adalah Tuhan. Pendeknya, semuanya itu adalah Tuhan. Dakwaan ini terang salahnya dan tak termasuk pada akal kerana sesungguhnya akal yang sihat akan menghukumkan bahwa 3 bukanlah 1; dan 1 bukanlah 3. Maka tiada dijumpai di dalam dunia ini satu kata yang paling terang karutnya dan paling jelas sesatnya seperti kata-kata yang diucapkan oleh golongan kaum Nasrani ini.”*

b) Unsur-unsur progresif dan *wasatiy* dalam pemikiran al-Marhum

Walau pun al-Marhum adalah seorang tradisionalis, beliau bukanlah seorang yang terlalu ketat dalam mengikuti tradisi hingga tidak mahu berubah atau tertutup bagi melakukan pengubahsuaian amalan agama apabila perlu, terutama jika perubahan dan pengubahsuaian itu akan mensejajarkan dirinya dengan pegangan arus utama golongan agamawan dan bersesuaian dengan keadaan.

Sifat ini dapat dilihat dari pendirian-pendirian berikut dalam khutbah-khutbah beliau;

- i) Keharusan mengeluarkan zakat fitrah dengan menggunakan wang dengan bertaklid pada mazhab Hanafi sesuai dengan pendirian Muis.¹⁸ Beliau menjelaskan, *“Kalau negeri kita ialah beras yang ditaksirkan banyaknya seberat 2.3 (dua sepertiga) kilo geram dan boleh*

¹⁵ Khutbah bertajuk Balasan Orang Yang Memerangi Allah dan RasulNya.

¹⁶ Khutbah bertajuk Nabi Isa a.s Tidak Dibunuh.

¹⁷ Khutbah bertajuk Nabi Isa a.s Bukanlah Tuhan.

¹⁸ Khutbah bertajuk Menunaikan Zakat Fitrah.

membayar harganya dengan wang (dengan bertaklid kepada Al-Imam Abu Hanifah) yang ditaksirkan sekarang oleh Majlis Ugama Islam Singapura sebanyak \$2/- satu fitrah.”

- ii) Memasukkan candu dan ganja sebagai perkara-perkara yang haram sebagai respon pada realiti di zamannya, sedangkan asalnya ia tidak disebut dalam kitab klasik.¹⁹ Beliau menghuraikan, *“Ada lima perkara yang dianggap besar bencana dan bahayanya jika dilakukan di atas bumi, 1) larangan menyebabkan kematian manusia dengan membunuh atau mencederakan tubuh badannya, 2) larangan merosakkan harta benda dengan merampas, mencuri atau memperlakukan secara salah dan tidak halal, 3) larangan merosakkan agama dengan sebab kufur, mempercayai (mengiktikadkan) perkara-perkara yang karut atau sesat lagi menyesatkan, 4) larangan merosakkan keturunan dengan perbuatan zina, 5) larangan merosakkan akal fikiran dengan minum-minum yang memabukkan, menghisap candu, ganja dan sebagainya. Kesemuanya itu adalah dilarang.”*
- iii) Menggunakan teknologi ukur sebagai contoh bagi malaikat mencatat amalan manusia.²⁰ Beliau menghuraikan, *“Wujudnya malaikat yang menjadi penjaga kepada manusia dan mencatatkan amalannya adalah suatu perkara yang wajib dipercayai dan diyakini. Sebagai misalan, kita perbandingkan sekarang. Penemuan alat-alat moden dan mesin-mesin ciptaan baharu yang dihasilkan dari pengetahuan sains dan teknologi sejak dari alat mengukur waktu, mengukur perjalanan di darat, laut dan udara, pencatit (meter) air dan elektrik, penyukat cuaca dan suhu, sampai kepada gelombang udara, cahaya, suara dan gerak gempa, walau beberapa jauh datangnya dan seberapa halus getarannya, tidak luput dari tercatat semuanya oleh alat-alat moden tersebut. Penemuan dari pengetahuan sains dan teknologi inilah sebenarnya akan menambahkan lagi keyakinan manusia dan kepercayaannya kepada wujudnya Allah dan kekuasaannya. Begitu pula tentang adanya malaikat yang menguasai dan mengiringi setiap manusia sehingga amalannya dari yang sebesar-besarnya hingga yang sekecil-kecilnya, tidak luput dari dicatatkan jika manusia menyedari bahawa segala tingkah lakunya sentiasa diawasi oleh malaikat-malaikat yang mengiringinya tentulah tidak akan tergamak melakukan sebarang maksiat atau kejahatan.”*
- iv) Memasukkan candu, madat dan dadah dalam tafsiran makna perkataan *al-fahsyah* (perkara keji) dalam Al-Quran.²¹ Jelas beliau, *“Setelah Allah menyebutkan tiga perkara yang diperintahkanNya, maka disebutkannya pula tiga perkara yang dilarangNya, iaitu; ... Allah melarang manusia daripada berbuat keji iaitu dilarang melampaui batasan atau terlampau mengikuti kemahuan hawa nafsu untuk melakukan perkara-perkara yang keji seperti berzina, minum arak, menjadi penagih candu atau madat, penyalahgunaan dadah, mencuri, tamakkan harta orang lain dan lain-lain lagi daripada perbuatan dan tutur kata yang kesat dan keji.”*
- v) Memasukkan dapatan sains moden mengenai kandungan oksigen yang tipis di angkasa apabila menafsirkan ayat 125, dari surah Al-An'am.²² Menurut katanya, *“Allah yang*

¹⁹ Khutbah bertajuk Bermohonlah Kepada Allah Dengan Merendahkan Diri.

²⁰ Khutbah bertajuk Setiap Manusia Mempunyai Pengiring.

²¹ Khutbah bertajuk Perintah Allah dan TegahanNya.

²² Khutbah bertajuk Siapa Yang Dikehendaki Allah Supaya Terpimpin.

bijaksana telah memperkatakan rahsia tersebut dalam kitab suci Al-Quran sebelum bangsa manusia tahu dan memahami akan hakikat udara oksigen yang terkandung di dalamnya rahsia setelah 14 abad kemudian, iaitu setelah berkembang ilmu penerbangan. Dicubakan kepada para penerbang untuk menguji kebenaran rahsia yang tersembunyi dalam ayat ini. Mereka dapati benar-benar telah menepati percubaan mereka itu. Mereka telah mendapati dengan sah akan adanya tekanan-tekanan udara yang berbeza-beza dipelbagai lapisannya.”

- vi) Memasukkan rasuah sebagai perkara lebih bahaya dari ganja dan dadah, sejajar dengan sikap pemerintah Singapura.²³ Tegurnya sambil menyindir, *“Di antara jenis makan yang haram itu ialah makan suap (rasuah). Ia merupakan penyakit yang sangat berbahaya kepada masyarakat dan juga negara. Rasuah ibarat racun. Lebih berbahaya makan suap itu dari menghisap ganja dan menyalah gunakan dadah. Racun yang akan menjadikan masyarakat hidup merana dan akhirnya juga negara jadi binasa.”*
- vii) Wajib patuh pada negara selama tidak langgar agama sedangkan beliau sedar bahawa Singapura bukan sebuah negara Islam dan diperintah pula oleh bukan Muslim.²⁴ Secara rasional beliau berkata, *“Dan termasuk juga amalan soleh itu ialah menjalankan apa-apa yang diwajibkan oleh masyarakat dan memenuhi tuntutan yang diwajibkan oleh negara kita selagi tidak bertentangan dengan pokok-pokok agama.”*
- viii) Merayakan hari kelahiran Nabi Muhammad s.a.w bukan sekadar meraikannya pada setiap tahun dengan mengadakan majlis besar-besaran tetapi yang lebih penting adalah penghayatan sunnahnya dan menurut semangat juang dan usaha Nabi s.a.w dalam mencapai kejayaan di dunia ini.²⁵ Beliau menegaskan, *“Kita tegakkan Sunnahnya dan kita tunjukkan cinta kita kepada Rasulullah s.a.w itu tidak cukup dengan mengadakan keramaian sahaja, tidak cukup dengan maulidnya dan dengan membacakan kisah Al-Maulid di masjid-masjid, di rumah-rumah dan di tempat perayaan. Kemudian kalau sudah habis semua itu, lantas kita lupakan dan kita alpaikan semuanya. Bukan demikian yang patut dilakukan. Rasulullah s.a.w yang kita peringati, yang disambut ulang tahun kelahirannya tiap-tiap tanggal 12 Rabiul Awal, bukanlah baginda itu hanya pandai berkata dan banyak bercakap, tetapi Baginda banyak berbuat dan bekerja. Perbuatan dan pekerjaannya lebih banyak daripada tutur katanya kerana Allah sangat murka kepada orang yang pandai bercakap tetapi tidak mengerjakannya...Di antara rahmat yang dibawanya ialah kita diseru supaya menghargai waktu. Kita dilarang jangan membuang waktu dengan sia-sia, membuang waktu dengan bercakap yang sia-sia atau bertengkar sesama sendiri tetapi bekerjalah dan berusaha lebih banyak... Dalam memperingati bulan berkat ini, bulan Rabiul Awal di mana dimulakan sejarah kelahiran seorang utusan Allah laksana pelita yang menerangi alam. Dengan pengajaran dan contoh tauladan, hendaklah kita banyak melakukan kerja-kerja yang berguna yang mendatangkan faedah dan keuntungan, yang menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan Akhirat.”*

²³ Khutbah bertajuk Makanlah Dari Jenis Yang Baik.

²⁴ Khutbah bertajuk Kemanisan Iman.

²⁵ Khutbah bertajuk Memperingati Kelahiran Nabi Muhammad s.a.w

Al-Marhum bukan hanya menyentuh masalah-masalah teras atau baku dalam agama, melalui khutbahnya beliau juga cuba memberi bimbingan mengenai isu-isu kehidupan semasa, iaitu;

- i) Menggalakkan masyarakat Muslim bekerja keras untuk maju dan membuat penegasan bahawa Islam menghargai kaum buruh.²⁶ Dengan tegas beliau berkata, *“Agama Islam tidak gemar melihat kehidupan orang menjadi beku, macet dan tidak bergerak kerana tidak ada ertinya hidup kalau tidak bergerak dan membangun. Jelasnya agama Islam tidak suka orang yang bermalas-malas, menganggur dan tidak mahu bekerja, tidak suka kepada orang yang berpeluk tubuh dan bertopang dagu. Malahan seorang buruh yang bekerja keras lebih utama di sisi Allah daripada seorang yang kuat beribadat tetapi menganggur dan menjadi beban orang lain kerana makan minumannya ditanggung oleh orang lain. Apakah gunanya bumi ini dijadikan oleh Allah kalau dia tidak dimanfaatkan. Adakah bumi ini diciptakan dengan sia-sia tanpa guna? Tidak! Sekali-kali, tidak.”*
- ii) Menggalakkan masyarakat Muslim bekerja dan tidak menghabiskan masa berehat pada hari Jumaat sesuai dengan realiti semasa bahawa hari Jumaat adalah hari bekerja, berbeza dengan masyarakat Muslim di negara jiran seperti di Johor yang hanya bersebelahan dengan Singapura, yang pada ketika itu hari Jumaat adalah hari cuti umum semua.²⁷ Beliau mengingatkan, *“Membesarkan dan memuliakan hari Jumaat itu tidaklah mesti dengan memberhentikan semua usaha kita pada hari itu - orang pedagang tidak usah pergi berniaga, pegawai-pegawai tidak usah pergi ke pejabat, kaum buruh tidak usah pergi bekerja, penuntut-penuntut tidak usah pergi belajar ke sekolah. Bukan begitu dan tidak sekali disuruh yang seperti [itu]. Malahan semua perkara pekerjaan harus berjalan seperti biasa, dan waktu yang berharga tidak boleh dibuang-buang. Hanya apabila panggilan untuk mengingat Tuhan sudah tiba, janganlah berlengah-lengah lagi. Segeralah ke masjid menunaikan ibadah Jumaat dengan mendengar khutbah dan sembahyang berjemaah. Kemudian apabila selesai, carilah kembali rezeki di lapangan masing-masing...”*

Hal ini – kewujudan unsur kontekstualisasi fahaman dan amalan agama dan progresif dan sifat tradisional – bukanlah sesuatu yang aneh. Hal seperti ini wujud pada ramai golongan tradisional, baik di zaman ini atau di zaman silam. Bahkan di kalangan golongan yang progresif dan moden sekali pun, biasa terdapat pendirian-pendirian yang konservatif dalam isu-isu tertentu. Hakikatnya, ia adalah sifat alami manusia, yang tidak dapat dikotakkan dengan sifat-sifat tertentu secara mutlak. Maka penentuan tentang sifat dan karakter seseorang itu berdasarkan apa yang dominan padanya sahaja. Selain itu, ia memberi amaran pada sesiapa dalam mengkaji individu agar penilaian terhadapnya bukanlah berdasarkan pada sudut-sudut tertentu sahaja, tetapi dilakukan secara holistik.

Seperti ramai dari kalangan tradisional yang lain, al-Marhum juga menunjukkan tanda-tanda kesukaran dalam menangani pelbagai fahaman tradisi apabila berhadapan dengan cabaran semasa dan pemikiran moden. Sebagai contoh, al-Marhum berpendapat bahawa kaum lelaki lebih istimewa dari kaum perempuan kerana sifat semulajadi masing-masing. Namun, beliau juga

²⁶ Khutbah bertajuk Bekerjalah Mencari Mata Pencarian.

²⁷ Khutbah bertajuk Sembahyang Jemaah dan Jumaat.

berkata bahawa lelaki dan perempuan adalah sama di sisi Allah taala.²⁸ Bahkan beliau berpendirian progresif apabila beliau menggalakkan anak perempuan bersekolah bagi mendapat pendidikan yang baik.²⁹

c) Pemikiran al-Marhum & realiti hari ini

Ada beberapa pemikiran, komentar dan sikap al-Marhum dalam khutbah yang disampaikan boleh dinilai sebagai radikal atau bermasalah kerana dinilai sebagai tidak mendokong usaha memupuk keharmonian sosial di sisi sebahagian pemimpin politik, iaitu;

i) pemikiran, komentar dan sikap al-Marhum mengenai sambutan Good Friday, Krismas dan akidah trinita umat Kristian

Ini boleh dinilai masalah sebagaimana yang dapat dilihat dalam kes larangan ke atas Mufti Menk memasuki dan menyampaikan ceramah agama di Singapura kerana berpendirian bahawa haram bagi Muslim mengucapkan “Merry Christmas” kepada penganut Kristian³⁰ dan kes seorang imam warga asing yang berdoa agar umat Islam dapat mengalahkan kaum bukan Islam yang kerananya beliau dihantar pulang ke negara asalnya.³¹

ii) sikap beliau mengenai kesalahan di bawah hukuman hudud seperti mencuri dan hirabah dan takzir seperti tidak berpuasa di bulan Ramadan.

Ini boleh dinilai tidak sesuai bagi realiti Singapura yang merupakan sebuah negara sekular yang tidak menerima pelaksanaan undang-undang Islam di sini. Selain itu, ia juga boleh dinilai persetujuan, sokongan atau simpati terhadap usaha-usaha pelaksanaan syariah atau pengkanunan undang-undang jenayah Islam yang dipromosikan oleh gerakan-gerakan Islam di negara-negara Islam seperti Parti Islam SeMalaysia (Pas) dan Hizbut Tahrir Indonesia.

Perlu diambil perhatian bahawa khutbah-khutbah ini ditulis dan disampaikan beberapa dekad yang lalu. Al-Marhum meninggal dunia pada tahun 2010. Oleh itu, tidak dapat menjelaskan isi khutbah yang ditinggalkannya sekarang ini bagi “membela diri” atau menjelaskan konteks sosial masa itu atau latarbelakang dari khutbah yang disampaikan. Hal ini adalah agar ada kewaspadaan sebelum menyalahkan beliau.

Selain itu, tidak dipastikan hari ini apakah sikap terkini beliau dalam isu-isu berkenaan kerana pemikiran dan sikap seseorang berkembang dan berubah dengan perubahan masa. Tidak mustahil, jika al-Marhum, masih hidup hari ini beliau mempunyai pendapat dan sikap yang berbeza.

Walaupun al-Marhum mempunyai pemikiran dan sikap yang boleh dinilai bermasalah dalam konteks Singapura hari ini, tiada siapa yang mengenali beliau akan bersetuju bahawa al-Marhum, kerana berpemikiran dan sikap sedemikian (pada beberapa dekad dahulu) adalah anasir radikal atau tidak sihat bagi keharmonian sosial. Sebaliknya, al-Marhum dikenali sebagai tokoh

²⁸ Khutbah bertajuk Janganlah Menjadi Orang Yang Memecah belahkan Agamanya.

²⁹ Khutbah bertajuk Lelaki dan Perempuan Sama Darjatnya.

³⁰ Lihat Muhammad Haniff Hassan and Mustazah Bahari (2019), “A Balance Approach to the Issue of “Merry Christmas” Greeting By Muslims”, *Wasat*, no. 25, Februari.

³¹ Lihat Muhammad Haniff Hassan (2017), “Al-Wala’ (Taat-Setia) Kepada Pemerintah Dalam Konteks Minoriti Muslim Singapura”, *Wasat*, no. 15, Jun.

yang amat perihatin terhadap kehidupan harmoni antara umat Islam dan bukan Islam di negara ini dan memberi sumbangan yang aktif terhadapnya.³²

Buktinya, beliau yang menggalakkan para pelajar menganjurkan majlis sambutan Hari Kebangsaan yang sebelum itu tidak pernah diadakan. Ia diisi dengan, antaranya, upacara penaikan bendera di waktu pagi dan menyanyikan lagu kebangsaan beramai-ramai. Bahkan beliau memarahi para pelajar yang tidak bersungguh-sungguh melakukannya.³³

Berkaitan dengan pemikiran dan sikap beliau mengenai hukuman jenayah Islam seperti hudud dan takzir, al-Marhum, selaku salah seorang anggota Majlis Masyayikh Pergas, kerap hadir majlis pembentangan dan perbincangan draf kertas kajian yang di dalamnya terkandung pendirian Pergas mengenai isu hudud dalam konteks Singapura bersama anggota-anggota Majlis Tertinggi Pergas pada tahun 2003 sebelum dibentangkan pada Konvensyen Ulama pertama pada tahun itu dan kemudiannya diterbitkan pula sebagai buku Kesederhanaan Dalam Islam Dalam Konteks Masyarakat Muslim Singapura pada tahun 2004.³⁴ Semasa sesi perbincangan, al-Marhum tanpa ragu-ragu bersetuju dan menyatakan sokongan pada sikap perlu yang diambil oleh Pergas untuk disampaikan kepada masyarakat umum, iaitu:

“Hudud Dalam Konteks Singapura

Walau bagaimanana pun, perlulah difahami bahawa hukum hudud juga adalah hanya sebahagian dari banyak kewajiban agama yang perlu ditunaikan oleh umat Islam. Oleh itu, perlulah diperhatikan urutan keutamaan-keutamaan kewajiban yang perlu dipenuhi mengikut keadaan sesuatu tempat dan masa. Dalam konteks inilah masyarakat Islam Singapura yang hidup sebagai kelompok minoriti melihat isu hukum hudud iaitu walau pun kita beriman dengannya, tetapi kita mempunyai realiti dan keutamaan yang berbeza berbanding umat Islam yang lain.

Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam perbincangan mengenai Sekularisme, keutamaan kita dalam konteks Singapura ialah untuk memelihara suasana bebas dan aman bagi mengamalkan tuntutan agama yang dharurri atas semangat demokrasi dan menyemarakkan persekitaran masyarakat madani (civil society).

Walau pun kita dituntut menegakkannya tetapi ketidakupayaan kita untuk melakukannya tidak bermakna keIslaman atau martabat kita lebih rendah dari umat Islam yang lain di sisi Allah taala kerana kita dituntut untuk berusaha mengikut keterbatasan yang ada.

Allah taala berfirman:

³² Lihat penglibatan dan penghargaan yang diterima al-Marhum di peringkat kebangsaan dalam Nurhaizatul Jamila Jamil, “Ustaz Ahmad Sonhadji Mohamad Milatu”, *SingaporeInfopedia*, di http://eresources.nlb.gov.sg/infopedia/articles/SIP_1468_2010-08-13.html

³³ Penyaksian Muhammad Haniff Hassan sendiri ketika menuntut di Madrasah Aljunied Al-Islamiah pada tahun 1980an.

³⁴ Ibid.

“Allah tidak membebaskan sesuatu jiwa kecuali mengikut keupayaannya.”
(Al-Baqarah: 286)

Kita menolak persepsi bahawa dengan meyakini tentang pensyariatian hudud dan beriman dengannya semata-mata menjatuhkan seseorang ke dalam lingkungan pelampauan atau berkecenderungan untuk melampau. Kita berpendapat bahawa perlulah dibezakan antara iman dan keyakinan dengan pengamalan. Dalam hal ini, kita mengakui pentingnya mengkontekstualkan keyakinan dengan realiti.”³⁵

Maka dalam hal ini, khutbah yang mengandungi pemikiran dan sikap al-Marhum berkaitan isu yang dibincangkan penting bagi memahami konteks amalan keagamaan Islam di Singapura. Sikap yang perlu dijadikan pegangan masyarakat Muslim Singapura dalam isu ini ialah sikap yang diambil oleh Pergas dalam bukunya kerana itulah sikap yang juga dipersetujui oleh al-marhum dan yang mewakili kalangan asatizah dan ulama setempat di masa ini.

Namun perkara ini juga memberi beberapa pengajaran bagi para pembaca bahawa seseorang itu mungkin mempunyai beberapa pendapat yang konservatif atau tidak kontekstual, tapi bukan bermakna ia seorang yang boleh dihukumkan sedemikian atau radikal atau dinilai sebagai elemen tidak sihat dalam konteks kehidupan di Singapura kerana sikap yang adil dan saksama ialah untuk menilai beliau secara menyeluruh. Jika dia dalam kebanyakan isu berpendirian yang kontekstual atau progresif, maka kewujudan pendirian yang berbeza dalam hanya beberapa isu sahaja adalah sesuatu yang lumrah sebagai manusia.

Kesimpulan

Penyampaian khutbah pada hari jumaat merupakan peluang yang terbaik dalam menyampaikan pesanan penting bagi masyarakat umum. Ruangan itu yang perlu diisi dengan penyampaian nasihat atau teguran yang baik untuk semua. Al-Marhum Ustaz Sonhadji tidak terlepas peluang dari mengambil inisiatif untuk menyampaikan pesanan penting dan bermanfaat untuk masyarakat Islam Singapura. Khutbah-khutbah yang ditulis beliau juga diambil oleh pihak MUIS untuk dijadikan panduan bagi khatib-khatib yang lain serta dihantar kepada masjid-masjid atau sesiapa yang inginkannya di Singapura.

Walaupun bersikap tradisionalis, beliau tidak berfikiran sempit. Menerusi khutbah-khutbah yang ditulis, nampak jelas beliau menyampaikan pesanan-pesanan yang wasatyi kepada para pendengar. Isu-isu yang diketengahkan beliau amat relevan pada waktu itu dan dapat difahami dengan mudah oleh para pendengar. Dari perkara-perkara yang mendasar seperti tauhid dan keimanan, hinggalah kepada perkara-perkara yang moden lagi canggih pun sama disentuh oleh beliau di dalam khutbah-khutbahnya. Ini amat membantu dalam membentuk identiti umat Islam yang kuat pegangan agamanya dan dapat bergaul baik dengan masyarakat setempat yang majmuk serta berdaya saing dengan pembangunan negara yang pantas di Singapura.

³⁵Pergas (2004), Kesederhanaan Dalam Islam Dalam Konteks Masyarakat Muslim Singapura, Singapura: Pergas, ms. 147-8.

Rujukan

Al-Quran

- Muhammad Haniff Hassan (2017), “Al-Wala’ (Taat-Setia) Kepada Pemerintah Dalam Konteks Minoriti Muslim Singapura”, *Wasat*, no. 15, Jun 2017. Lihat: <https://wasatonline.wordpress.com/2017/06/01/al-wala-taat-setia-kepada-pemerintah-dalam-konteks-minoriti-muslim-singapura-wasat-edisi-no-15june-2017/>
- Muhammad Haniff Hassan and Mustazah Bahari (2019), “A Balance Approach to the Issue of “Merry Christmas” Greeting By Muslims”, *Wasat*, no. 25, Februari 2019. Lihat: <https://wasatonline.wordpress.com/2019/01/28/a-balance-approach-to-the-issue-of-merry-christmas-greeting-by-muslims-wasat-edisi-no-25-february-2019/>
- MUIS (2006), *Risalah Membangun Masyarakat Islam Cemerlang Singapura*, Singapura: Muis, di <https://www.muis.gov.sg/-/media/Files/OOM/Resources/Risalah-Book.pdf>
- National Library Board, *Donors Showcase: Ustaz Ahmad Sonhadji Mohamad Milatu*, di <http://www.nlb.gov.sg/donors/ustaz-ahmad-sonhadji-mohamad/>
- Nurhaizatul Jamila Jamil, “Ustaz Ahmad Sonhadji Mohamad Milatu”, *SingaporeInfopedia*, di http://eresources.nlb.gov.sg/infopedia/articles/SIP_1468_2010-08-13.html
- Pergas (2004), *Kesederhanaan Dalam Islam Dalam Konteks Masyarakat Muslim Singapura*, Singapura: Pergas.
- RRG, Our People, The late Ustaz Ahmad Sonhadji Mohamad, di [https://www.rrg.sg/our-people/#iLightbox\[gallery-2\]/1](https://www.rrg.sg/our-people/#iLightbox[gallery-2]/1)
- Zulkifli Haji Mohd Yusoff (2002), *A Study of Tafsir ‘Abr al-Athir and Sonhadji’s Methodology in Tafsir al-Quran*, Singapore: Andalus Corporation Pte. Ltd.